



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

MEMO

UNIT INTEGRITI



Kepada : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Daripada : Ketua Unit Integriti
Salinan Kepada : -
Tarikh : 19 Mac 2024
Ruj. Fail : JP.KPP.UI 100-7/8/1 Jld. 4 (15)

Tuan,

GARIS PANDUAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memo tuan, JP.BK.300-1/3/4 Jld. 5 (15) bertarikh 13 Mac 2024.

2. Dimaklumkan bahawa Unit Integriti telah menerbitkan buku Tatakelola Hadiah Jabatan Pertanian (Edisi Kemaskini 2024) bagi menggantikan Polisi Tiada Hadiah Jabatan Pertanian berikutan pembatalan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008: Pihak Berkuasa Meluluskan Penerimaan Hadiah oleh Jabatan Kerajaan. Pihak tuan boleh mendapatkan *softcopy* buku Tatakelola Hadiah Jabatan Pertanian (Edisi Kemaskini 2024) daripada Laman Web Jabatan Pertanian untuk rujukan.

3. Bersama ini disertakan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh pihak tuan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(JAMALUDDIN BIN PUTEH)

Tel. : 03-88102485

E-mel : jamaluddin@doa.gov.my

JAWAPAN KEPADA PERSOALAN BERKAITAN PENERIMAAN ATAU PEMBERIAN HADIAH

BIL	SOALAN	JAWAPAN
i.	Adakah Polisi Tiada Hadiah Jabatan Pertanian Malaysia hanya terpakai bagi pemberian dan penerimaan hadiah oleh pegawai awam sahaja dan tidak terpakai kepada pemberian dan penerimaan hadiah kepada Jabatan?	• Polisi Tiada Hadiah Jabatan Pertanian telah digantikan dengan Tatakelola Hadiah Jabatan Pertanian (Edisi Dikemaskini 2024) yang telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Pertanian semasa Majlis Amanat Ketua Pengarah Pertanian Tahun 2024 pada 23 Januari 2024. • Tatakelola Hadiah Jabatan Pertanian bukan sahaja menerangkan mengenai kaedah menguruskan penerimaan atau pemberian hadiah bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian tetapi juga penerimaan dan pemberian hadiah oleh Jabatan Pertanian. • Dalam menguruskan penerimaan hadiah kepada Jabatan, Borang B perlu diisi oleh penyumbang sebagai Aku Janji bagi tujuan mengesahkan bahawa pemberian hadiah itu tidak akan menyebabkan penyumbang diberikan sesuatu balasan/ imbuhan atau seumpamanya daripada Jabatan Pertanian.
ii.	Apakah jenis aset atau status semasa aset atau keperluan Jabatan terhadap aset perlu diambil kira sebelum sesuatu aset diterima sebagai hadiah?	• Jenis aset tidak ditetapkan di dalam Tatakelola Hadiah Jabatan Pertanian yang dibangunkan berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.7.2.5: Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		• Bagaimanapun, status semasa aset dan keperluan Jabatan terhadap sesuatu aset serta beberapa perkara lain seperti berikut perlu diambilkira bagi pertimbangan penerimaan hadiah kepada Jabatan: 1. Hadiah yang diterima memberi manfaat atau faedah kepada Jabatan. 2. Hadiah hendaklah terlebih dahulu dinilai dan disahkan mempunyai tahap boleh guna yang tinggi dan <i>value for money</i>; 3. Alat ganti, perisian atau lesen perisian bagi hadiah yang diterima hendaklah mudah diperolehi serta kos perolehannya tidak membebankan Kerajaan. 4. Peruntukan Jabatan adalah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan hadiah. 5. Pengendalian sesuatu hadiah itu hendaklah menggunakan pegawai terlatih yang telah sedia ada dan tidak akan menyebabkan pewujudan jawatan baharu. 6. Hadiah yang diluluskan penerimaannya hendaklah disenaraikan dalam inventori Jabatan. 7. Hadiah yang berupa wang tunai hendaklah direkodkan serta diuruskan menggunakan akaun amanah.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
iii.	Siapakah pihak berkuasa yang boleh meluluskan permohonan penerimaan aset sebagai hadiah kepada Jabatan?	• Jabatan tidak dibenarkan memohon hadiah daripada mana-mana orang perseorangan atau kumpulan orang, syarikat swasta, persatuan atau mana-mana pihak. • Jabatan dibenarkan menerima hadiah daripada orang perseorangan atau kumpulan orang, syarikat swasta, persatuan atau mana-mana pihak, tertakluk kepada kebenaran Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



AKUAN PEMBERIAN HADIAH/ SUMBANGAN KEPADA JABATAN PERTANIAN

Saya No. Kad Pengenalan

..... yang mewakili

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

1. Hadiah/ sumbangan yang diberikan ialah secara percuma tanpa sebarang syarat dan/ atau ikatan yang dikenakan oleh saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing.
2. Hadiah/ sumbangan yang diberikan ialah secara sukarela dan bukan atas permintaan mana-mana pihak (Jabatan Pertanian).
3. Saya/ syarikat tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan mana-mana pihak daripada Jabatan Pertanian.
4. Hadiah/ sumbangan yang disumbangkan/ dihadiahkan oleh saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing ialah barang atau peralatan masih berfungsi dan diselenggara dengan baik dan alat-alat gantinya pula mudah diperoleh.
5. Pihak saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing tidak akan menggunakan pemberian hadiah/ sumbangan ini untuk mendapatkan sebarang tawaran kontrak/ kelebihan dalam urusan rasmi dengan mana-mana pihak daripada Jabatan Pertanian pada bila-bila masa.
6. Pihak Jabatan Pertanian tidak terikat untuk menawarkan/ memberikan sebarang tawaran kontrak/ kelebihan dalam mana-mana urusan rasmi Jabatan Pertanian kepada saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing.

Yang benar,

.....

Nama :
Kad Pengenalan :
Tarikh :
Cop Syarikat/ NGO :